

SMK Tengku Ampuan Rahimah terjejas akibat banjir kilat

KLANG – Setiap kali hujan lebat, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Ampuan Rahimah di sini pasti akan dilanda banjir kilat.

Bagaimanapun, kejadian hujan lebat selama sejam bermula pukul 9 pagi semalam adalah yang terburuk apabila menjejaskan pembelajaran kira-kira 1,000 pelajar di sekolah itu.

Seorang pelajar tingkatan tiga, Muhd. Anas Fitri, 15, ketika ditemui berkata, setiap kali ke sekolah dia akan membawa selipar kerana bimbang kasut sekolahnya basah akibat banjir kilat.

“Banjir kali ini adalah yang paling buruk sepanjang saya bersekolah di sini sejak tiga tahun lalu.

“Saya harap ia tidak mengganggu tumpuan saya yang akan menduduki Penilaian Menengah Rendah tahun ini,” katanya di sini semalam.

Sementara itu, Pengetua SMK Tengku Ampuan Rahimah, Rahmah Arsad memberitahu, kejadian banjir kilat kerap berlaku di sekolah itu walaupun beberapa usaha telah dilakukan.

“Perbincangan dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan pihak berkuasa tempatan sering diadakan dari semasa ke semasa namun masalah sama tetap ber-



PELAJAR dan guru terpaksa meredah air akibat banjir kilat yang melanda SMK Tengku Ampuan Rahimah, Klang semalam.

ulang.

“Banjir kilat yang melanda sekolah ini berlaku sejak awal penubuhan sekolah ini

dan dipercayai berpunca ekoran masalah longkang dan sampah sarap yang menghalang laluan air,” ujarnya.